

02 JUL 2004

Rencana-Desa Utara

DESA UTARA PEDU LAKE RESORT TAWAR ALTERNATIF PERCUTIAN ALAM SEMULA  
JADI

ALOR STAR: Jika anda ingin menghayati suasana percutian yang dikelilingi hutan rimba, bunyi unggas dan kicauan burung, kunjungilah Desa

Utara Pedu Lake Resort, dekat pekan Kuala Nerang.

Dalam perjalanan ke resort itu yang mengambil masa kira-kira dua jam dari sini, pengunjung berpeluang meninjau suasana kehidupan penduduk di sepanjang perjalanan melalui tiga pekan iaitu Langgar, Pokok Sena dan Kuala Nerang.

Sepanjang perjalanan sejauh 55 kilometer dari Kuala Nerang ke Desa Utara, sudah terasa ketenangannya kerana keindahan flora dan fauna di kiri dan kanan jalan menuju ke pusat peranginan itu.

Setibanya di sana, pengunjung pasti terpujau dengan keindahan landskap serta chalet berkonsep perkampungan Melayu serta pelbagai kemudahan seperti restoran dan surau yang menggunakan seni bina tradisional yang diperbuat daripada "buluh bertam" - buluh tempatan yang dipanggil "kelarai".

Pengurus Residen Desa Utara Roslan Abdul Karim berkata, nama Desa Utara makin terkenal menyebabkan pelancong luar dan tempatan terus mencari keunikan dan kedamaian di sini.

#### PENGINAPAN LIMA BINTANG

Kawasan seluas 160.4 hektar itu dilengkapi 106 bilik termasuk "Deluxe Room", "Executive Suite", "Family Suite" serta Rumah Induk dan Rumah Penghulu dengan kadar sewa yang amat berpatutan iaitu antara RM150 dan RM350.

Rumah Induk atau rumah panjang mempunyai 10 bilik dan setiap satu bilik disediakan katil dua tingkat yang boleh memuatkan 60 penghuni pada satu-satu masa.

Selain itu, bilik yang kesemuanya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti pendingin hawa, televisyen termasuk saluran Astro dan VCD, saluran muzik, serta kemudahan minuman dan bilik yang selamat untuk penginap.

Di samping menikmati kehijauan hutan yang terdapat di sekeliling resort, pengunjung juga boleh melihat keindahan air tasik di Desa Utara itu.

Resort yang telah mencipta rekod dalam proses pembinaannya iaitu selama 123 hari telah dirasmikan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 11 Ogos 1995.

#### PUSAT LATIHAN VOKASIONAL

Tidak kurang menarik di sini ialah pengunjung berpeluang merasai suasana di dusun buah-buahan pada musim buah dengan menikmati buah-buahan tempatan yang enak seperti rambutan, jambu, manggis dan durian di bawah pakej yang disediakan.

Pastinya kunjungan ke sini tidak lengkap sekiranya tidak melakukan aktiviti mencabar ketahanan fizikal seperti merentas hutan, memanjat bukit dan sebagainya.

Kanak-kanak juga boleh mengikuti pelbagai aktiviti yang disediakan khas untuk mereka seperti berbasikal, bermain kasut roda serta permainan tradisional seperti congkak.

Menurut Roslan lagi, Desa Utara turut mengendalikan latihan vokasional bagi para pelajar di bidang perhotelan sebagai produk barunya.

Pusat latihan vokasional yang beroperasi secara sepenuh masa di kawasan resort itu dinamakan Institut Teknologi Perwaja Pedu yang telah memulakan operasinya pada Januari lepas dengan pengambilan 16 pelajar sulung.

"Para pelajar terbabit akan tinggal di pusat peranginan ini sepanjang tempoh pengajian dengan kaedah pembelajaran berteraskan 70 peratus amali dan 30 peratus teori," katanya.

Desa Utara juga tidak mengabaikan khidmat sosial dengan sering menganjurkan program dan aktiviti terhadap golongan masyarakat yang kurang bernasib baik.

Menurut Roslan, setiap tahun Desa Utara meraikan golongan "warga emas" dan kanak-kanak istimewa dengan menganjurkan majlis bersuka ria dan jamuan makan malam.

Baru-baru ini, Desa Utara menaja sekumpulan pelajar terdiri daripada kanak-kanak istimewa dari Kuala Lumpur untuk menginap di pusat peranginan

itu dan menganjurkan pelbagai aktiviti untuk mereka.

-- BERNAMA

NAR MNH ZS RR